

AS-SULTHAH AT-TASYRI'IYYAH DALAM PERSPEKTIF FIQH SIYASI DAN QANUN WADH'IY

Nadirsah Hawari*

Abstrak

Pembahasan tentang *As-Sulthah At-Tasyri'iyyah* selalu hangat dan menarik. Hal ini sangat wajar, mengingat peranan dan kedudukannya yang sangat strategis dalam sistem tata kelola negara. Disisi lain, lembaga ini acapkali dituding sebagai sarangnya para politikus yang sarat dengan aksi pragmatisme dan fanatisme politik sehingga terkesan agak membingungkan rakyat dan parahnya lagi rakyat tidak merasa terwakili oleh mereka. Walhal, jika kita merujuk kepada literatur Islam dan konstitusi Indonesia kita dapatkan gambaran yang sangat nyata bahwa ia merupakan corong rakyat dalam menyampaikan aspirasi mereka kepada pemerintah agar cita-cita luhur UUD 45 sebagai mandat dari para *founding fathers* negara menjadi nyata. Beberapa persoalan terkait tupoksi dan autoritas lembaga dalam menjalankan konsep trias politika menjadi fokus kajian dalam pembahasan makalah ini. Tulisan ini mencoba memadukan antara konsep legislasi dalam perspektif Islam dan qanun wadh'i (undang-undang moderen) untuk melihat sejauhmana persamaan dan perbedaan konsep yang ditawarkan oleh dua faham ini.

Kata Kunci: As-Sulthah At-Tasyri'iyyah, Fiqh Siyasi, Qanun Wadh'iy

* Dr. Nadirsah Hawari, MA, dosen Fakultas Ushuluddin IAIN Raden Intan Lampung, Prodi Pemikiran Politik Islam.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Pendahuluan

Wafatnya Rasulullah s.a.w sebagai seorang nabi sekaligus sebagai ketua yang juga bertindak sebagai eksekutif telah memberikan kesan kepada psikologi masyarakat dan situasi politik negara pada masa itu, sama ada di kalangan para sahabat mahupun masyarakat awam. Pada hari kewafatan Rasulullah s.a.w sebahagian dari sahabat Rasulullah s.a.w sibuk menguruskan jenazah beliau, terutamanya ahli keluarga terdekat, manakala sebahagian yang lain terutama dari golongan Ansar sedang merancang perlantikan seorang pemimpin baru menggantikan Rasulullah s.a.w. Mereka mengadakan satu mesyuarat di Saqifah Bani Sa'idah¹ tanpa pengetahuan kaum Muhajirin. Namun, niat baik kaum Ansar akhirnya disedari juga oleh sebahagian sahabat dari kaum Muhajirin seperti 'Umar ibn al-Khattab. Beliau segera mengajak Abu Bakar yang sedang sibuk mengurus jenazah Rasulullah s.a.w untuk pergi ke Saqifah Bani Sa'idah. Semasa berjalan, kedua-duanya bertemu dengan Abu Ubaydah ibn al-Jarrah dari kaum Muhajirin lalu diajak pergi menuju Saqifah.²

Pertemuan serta dialog yang panjang antara wakil kaum Ansar dan Muhajirin di Saqifah Bani Sa'idah pada hari itu melahirkan sebuah syura dan berakhir dengan satu keputusan iaitu memilih Abu Bakar sebagai khalifah (pengganti) kepada Rasulullah s.a.w.

¹ *Saqi>fah Bani Sa>idah* adalah nama satu tempat pertemuan di antara kaum Ansar dan Muhajirin yang terletak berdekatan dengan Masjid Nabawi bersebelahan dengan Perpustakaan Abdul Aziz. (sebelah kanan Masjid)

² al-Bu<tiy, Muhammad Sai>d Ramada<n, *Fiqh al-si<rah al-nabawiyah, ma' a mu<jaz li ta<rikkh al-khulafa<' al-ra<shidah*, Da<r al-Fikr, Damshiq, 1991 M, hlm. 351 & al-Sayu<ti, Jala<luddi>n, *Ta<rikkh al-khulafa>*', Da<r al-Sa<dir, Bairut, 1997, hlm. 87-92.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Suasana di luar barisan para sahabat juga mengalami perubahan akibat kewafatan baginda Rasulullah s.a.w. Sebahagian kecil dari umat Islam pada masa itu ada yang kembali kepada kekufuran setelah mereka menyatakan keimanan dengan risalah Nabi Muhammad s.a.w seperti munculnya golongan *Mari^c al-zakat* (orang-orang yang tidak mau bayar zakat)

Hubungan yang rapat di antara Abu Bakar dengan ^cUmar ibn al-Khattab menjadikan beliau begitu arif dan faham tentang sifat serta perilaku yang dimiliki oleh sahabatnya yang satu ini, apatah lagi keadaan negara Islam (*da^ral-Islam*) pada masa itu sedang menghadapi dua kekuatan besar yang sangat merbahaya iaitu kekuatan negara Romawi dan Persia sehingga tidaklah logik kalau seandainya negara yang baru ditubuhkan ini dibebani dengan perkara yang tidak begitu penting seperti halnya siapakah yang akan menggantikan khalifah selepas Abu Bakar . Oleh sebab itu, pada akhir masa pemerintahan Abu Bakar beliau berniat mencalonkan ^cUmar ibn al-Khattab sebagai penggantinya jika beliau meninggal pada bila-bila masa. Setelah dimesyuaratkan oleh para wakil sahabat seperti; ^cAbdurrahman ibn ^cAwf, ^cUthman ibn ^cAffan, Sa^cad ibn Zayd dan Usayd ibn al-Khudayr mereka bersetuju dengan pencalonan ^cUmar sebagai pengganti Abu Bakar jika bila-bila masa beliau meninggal.³

^cUmar ibn al-Khattab yang terkenal dengan pentadbirannya yang begitu hebat dan cemerlang telah berjaya mencipta suasana politik negara yang stabil dan ekonomi yang mantap. Hal ini tidaklah

³al-Butiy, Muhammad Sa^cid Ramada^r, *Fiqh al-sirah al-nabawiyah ma^ca mujaz li tarikh al-khulafa' al-rashidah*, hlm. 354.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

aneh dan asing bagi sesiapa sahaja yang pernah membaca sejarah ʿUmar. Ini berpunca dari keadilan seorang pemimpin terhadap rakyatnya serta kepatuhan rakyat terhadap khalifah. Ketika merasa ajalnya sudah dekat, ʿUmar ibn al-Khattab ingin melepaskan semua amanah yang beliau terima, amanah mentadbir urusan negara yang dari hari ke hari semakin bertambah banyak. Namun, beliau berasa kalau ditunjuk atau dipilih seseorang sebagai penggantinya sebagaimana yang telah dilakukan oleh Abu Bakar ke atas dirinya, beliau merasa kuarir akan terjadi sesuatu yang tidak diharapkan. Beliau menyerahkan perkara ini kepada enam orang sahabat iaitu; ʿUthman ibn ʿAffan, ʿAli ibn ʿAbi Talib, Talhah, Zubayr ibn al-ʿAwwam, ʿAbdurrahman ibn ʿAwf dan Saʿad ibn Abi Waqqas r.a dan melantik anaknya ʿAbdullah ibn ʿUmar sebagai pihak penengah.⁴ Uthman bin ʿAffan akhirnya dipilih sebagai khalifah menggantikan ʿUmar ibn al-Khattab yang mati syahid di tangan Abu Lukluk al-Majusi.

Proses pemilihan Abu Bakar r.a sebagai khalifah setelah dicalonkan oleh ʿUmar ibn al-Khattab dan disumpah setia (al-bayʿah) oleh seluruh sahabat dan wakil-wakil kaum Muhajirin dan Ansar yang hadir di majlis Saqifah Bani Saʿidah serta proses pelantikan ʿUthman ibn ʿAffan sebagai khalifah daripada enam orang sahabat yang dicalonkan oleh ʿUmar disifatkan oleh sebahagian penulis sebagai suatu proses pemilihan yang dilakukan dan dikawal oleh sebuah ahli jawatankuasa yang lazimnya dalam istilah politik Islam disebut Ahl

⁴ Ibrahim Ahmad ʿAdawi, *al-Nuzum al-Islamiyyah muqawwimatuha <al-fikriyyah wa muassasatuha <al-tanfiziyyah fi sadr al-Islam wa al-ashr al-Umawiyy*, Maktabah Anggola al-Misriyyah, Mesir, 1758, hlm. 147, Abd al-Qadir Zallum, *Sistem pemerintahan Islam*, Terj, Dar ul Ummah, Jawa Timur, 2002 M, hlm. 93.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

al-hall wa al-^oaqd (ahli jawatankuasa perlantikan dan pelucutan) al-Sultah al-Tashri^oiyah (dewan perundangan) yang lebih dikenali dalam konsep perlembagaan moden dengan istilah badan legislatif

Badan legislatif adalah merupakan salah satu daripada badan-badan kuasa dalam sebuah negara, sama ada dalam sistem moden atau dalam sistem Islam. Jika dilihat, badan legislatif dalam sistem demokrasi misalnya, akan didapati bahawa badan ini mempunyai peranan yang sangat *signifikan* berbanding dengan badan-badan kuasa yang lain. Prof. Dr. ^oAbdurrahman ^oAbdul Kadir Kurdi menyifatkan badan ini sebagai lapisan terpenting dalam sesebuah negara, kerana ia merupakan badan pembuat, penggubal dan pentadbir undang-undang perlembagaan serta interpretasinya dalam sesebuah negara.⁵ Oleh yang demikian, perlu bagi kita untuk mengkaji konsep badan ini menurut perspektif Islam secara lebih mendalam lagi dengan memberikan satu perbandingan dengan konsep legislatif moden agar kita lebih memahami dan merasa yakin bahawa konsep Islam tidak kurang hebatnya berbanding dengan konsep yang dibawa oleh barat.

Badan Legislatif

⁵ Abdurrahman Abdul Qadir Kurdi, *Tatanan sosial Islam, studi berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah*, Terj, Pustaka pelajar, Jogjakarta, 2000, hlm. 148, Abd al-Karim ^oUthman, *al-Nizam al-siyasi fi al-Islam*, Dar al-Irshad, Beirut, 1388, hlm. 98.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Perbahasan tentang makna legislatif akan ditumpukan pada dua bahagian. Bermula dengan kajian tentang makna legislatif menurut perspektif Islam kemudian dilanjutkan dengan kajian tentang makna legislatif menurut moden.

Makna Badan Legislatif Islam

Berbagai usaha telah dilakukan oleh para pakar politik Islam untuk memberikan satu definisi yang sesuai terhadap makna badan perundangan yang lazimnya dalam istilah *al-siyasah al-shar'iyah* (politik Islam) dinamakan *al-Sultah al-Tashri'iyah* atau *Ahl al-hall wa al-'aqd* atau *Majlis Shura* atau yang lebih popular dalam kamus politik moden dinamakan badan legislatif.

Sultah dalam bahasa arab berasal dari kata *salat* yang kemudian membentuk perkataan *salat* yang bermaksud menguasai atau berkuasa.⁶ Sedangkan *Tashri'iyah* berasal dari kata (*shara'a*) yang bererti menjelaskan atau menetapkan. Kalimat ini kemudian *ditashrifkan* menjadi kata kerja *sharra'a* yang bermakna membuat *shari'at* (jalan atau sumber air).⁷ Oleh yang demikian, maka *al-Sultah al-Tashri'iyah* adalah satu badan yang bertugas membuat syariat atau undang-undang. Adapun *Ahl al-hall wa al-'aqd* berasal dari gabungan beberapa perkataan yang membentuk satu makna

⁶ Ibn Manzu'ir, Muhammad ibn Mukmin, *Lisān al-'Arab*, Da'ir Sa'dir, Beirut, t.th, vol. 7, hlm. 320.

⁷ al-Jurjani, Ali ibn Muhammad, *al-Ta'rifat*, Da'ir al-Kitāb al-'Arabiy, Beirut, 1405 H, hlm. 167, Ibn Manzu'ir, Muhammad ibn Mukrim, *Lisān al-'Arab*, vol. 8, hlm. 178.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

khusus. Menurut kajian para pakar politik Islam tidak dapat dikenal pasti orang yang pertama kali mengguna istilah ini sehingga ke hari ini.⁸ *Ahl al-hall wa al-'aqd* secara terminologi bererti ahli badan yang bertugas melantik dan melucutkan seorang khalifah (pemimpin). Adapun *Majlis Shura*, ia terdiri dari kata, *majlis* yang merupakan Ism al-makān (nama tempat) dari kata *jalasa* yang bermakna duduk. Jadi, *Majlis* bermakna tempat duduk. Sedangkan *shu>ra* bermakna mesyuarat. Oleh sebab itu, *Majlis Shu<ra* adalah satu badan yang bertugas mencari jalan penyelesaian dan alternatif terbaik dalam satu permasalahan yang sedang dihadapi. Para ulama cuba untuk memberikan satu definisi yang tepat untuk istilah ini. Imam al-Dhahabi ketika bercerita tentang kisah 'Abdurrahman ibn 'Awf, mengatakan: "Salah satu amalan 'Abdurrahman ibn 'Awf yang paling mulia iaitu ketika beliau meletakkan tawaran khalifah dan menyerahkannya kepada Badan Legislatif (*Majlis Shu>ra*), sehingga dengan keputusan itu beliau telah menyatukan umat untuk bergabung bersama khalifah 'Uthma<n".⁹

T{a<hir Muhammad 'A<shu>r berkata: "*Ahl al-h}all wa al-'aqd* adalah para ilmuan dan ahli amanah dalam sebuah negara Islam yang tinggal di ibu negara khalifah dan termasuk di dalamnya ketua tentera."¹⁰ Badan legislatif menurut beliau terdiri dari para ilmuan dan ahli-ahli kuasa yang memiliki sifat amanah dalam melaksanakan tugas.

⁸ al-Qasimiy, Zafir, *Nizam al-Hukm fi al-shar'ah wa al-tarikh al-Islamiy*, vol. 1, hlm. 232.

⁹ al-Dhahabiy, Muhammad ibn Ahmad, *Siyar al-a'lam al-nubala>* Muassasah al-Risalah, Beirut, 1413 H, vol.1, hlm. 86.

¹⁰ Muhammad Takir ibn 'Ashu>, *Usul al-nizam al- mujtama' fi al-Islam*, Maktabah al-Qawmiyyah li al-nashr wa al-tawzi', Tunisia, 1964 H, hlm. 209.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Z{afir al-Qa<simiy menyifatkan *Ahl al-h{all wa al-^caqd* sebagai para ahli fekah yang dapat berijtihad.¹¹ Kepakaran dalam masalah fekah dan pencapaian dar jat mujtahid adalah syarat utama bagi ahli badan legislatif menurut Z{afir.

Muhammad Yu<suf Mu<sa mendefinisikan badan ini secara lebih luas dengan membuat satu perbandingan dengan makna legislatif moden. Beliau mengatakan: "*Ahl al-h}all wa al-^caqd* adalah sumber *siya>dah* atau kekuasaan yang ada pada rakyat. Mereka adalah para cerdik pandai, pakar ilmu dan amanah yang terdiri dari pelbagai golongan yang ada dalam tubuh umat. Namun, sebenarnya mereka tidak jauh berbeza dengan ahli badan legislatif dalam sistem perlembagaan moden."¹² Yu<suf Mu>sa, meletakkan ilmu dan amanah sebagai syarat utama untuk keahlian badan ini dengan mengambil kira aspek kepelbagaian komuniti masyarakat.

Muhammad ^cAbduh mendefinisikan badan ini secara meluas dengan mengambil kira aspek kecekapan dalam mewujudkan kemaslahatan awam. Beliau menyebutkan: "*Ahl al-h{all wa al-^caqd* adalah para *umara>*' (pemimpin), hakim, ulama, ketua-ketua tentera dan semua ketua kumpulan yang dapat dijadikan rujukan dalam menyelesaikan hajat manusia dan kemaslahatan awam".¹³ Adapun

¹¹ al-Qasimiy, Z{afir, *Nizam al-hukm fi al-shari^cah wa al-tarikh al-Islamiy*, vol.1, hlm. 235.

¹² Yusuf Musa, dalam *Nizam al-hukm fi al-shari^cah wa al-tarikh al-Islamiy*, vol.1, hlm. 232.

¹³ Rashid Rid{a>Tafsir<al-Mana>, t.pt, t.tp, t.th, vol. 3, hlm. 11.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Rashi<d Rida>, beliau menyifatkan badan ini sebagai *ahl al-basi<rah* (pakar pemikir) dan pakar analisa dalam masalah kenegaraan.

Menyemak dua definisi yang yang dikatakan oleh Muhammad ^cAbduh dan Rasyi<d Rida>, maka pada asasnya kedua-duanya tidak menghadkan ahli badan ini kepada satu puak sahaja, akan tetapi juga mencakupi semua individu yang memiliki kemampuan sebagai seorang pakar pemikir (*al-mujtahid*) serta orang yang mempunyai kekuasaan.

Para ulama politik Islam terdahulu juga telah banyak membicarakan tentang konsep badan legislatif Islam, akan tetapi masih dalam skop yang sangat kecil setakat perbincangan mengenai perlantikan dan pelucutan seorang khalifah. Imam al-Ma>wardiy berkata: "Seorang imam (khalifah) dilantik melalui dua cara. Yang pertama dipilih oleh pihak '*Ahl al-h{all wa al-^ca qd* (badan legislatif) dan yang kedua dipilih oleh imam sebelumnya".¹⁴

Jika diperhatikan dengan baik apa yang dikatakan oleh para ulama ketika mereka membincangkan makna badan legislatif Islam, pada asasnya mereka tidak membincangkan ertinya sebagai sebuah institusi kuasa, akan tetapi mereka lebih tepat kalau dikatakan membincangkan persoalan siapakah yang paling layak untuk menjadi

¹⁴ al-Mawardiy, Abu al-Hasan ^cAli ibn Muhammad, *al-Ahkam al-sultaniyyah wa al-wilayah al-diniyyah*, Dar al-Kutub al-^cilmiyyah, Beirut, 1405 H, hlm.7.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

ahli dalam badan ini. Para pakar agama dan pakar dari berbagai bidang ilmu adalah di antara mereka yang dinyatakan dalam definisi ini.

Satu kesimpulan dapat dibuat dari huraian-huraian di atas bahawa *'Ahl al-h{all wa al-^caqd* (badan legislatif) menurut konsep Islam adalah: "Suatu badan yang berkuatkuasa di bidang perundangan Islam yang terdiri dari para pakar dari berbagai bidang sains dengan bercirikan sifat adil dan amanah".

Oleh yang demikian, badan ini mencakupi para ulama, kaum cerdik pandai, ketua-ketua tentera, pakar sains, politik, sosial dan sesiapa sahaja yang dapat mewakili rakyat dalam menyampaikan segala aspirasi mereka. Adapun bentuk dan susunan mengikut kepada keadaan yang ada sesuai dengan keperluan apatah lagi masalah ini adalah hasil dari ijtihad dan tidak didapati amalan secara khusus dari Rasulullah s.a.w. Namun apa yang pernah dilakukan oleh kaum Muhajirin dan Ansar di Saqi{>}fah Bani Sa<idah atau ^cUmar ibn al-Khatta<b ketika melantik enam orang sahabat untuk menjadi calon khalifah dapat dijadikan sandaran untuk menjawab soalan ini. Apapun hasil analisa dan pendapat yang kita sampaikan, hal ini bukan merupakan satu masalah yang sangat utama dalam menilai institusi Islam ini.

Makna Badan Legislatif Moden

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Negara yang mengamalkan sistem demokrasi biasanya mempunyai beberapa badan kuasa sebagai wadah bagi rakyat untuk menyampaikan aspirasi politik dan hak-hak asasi mereka secara bebas. Undang-Undang Dasar (Perlembagaan) Indonesia sebagai contohnya, yang menganut sistem demokrasi memiliki dua majlis iaitu yang pertama dinamakan Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR) dan yang kedua Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), begitu juga Undang-Undang Perlembagaan Malaysia terdapat dua majlis, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Mengikut Undang-Undang Perlembagaan Moden, badan ini didefinisikan sebagai sebuah institusi perwakilan rakyat yang berfungsi sebagai pembuat undang-undang, mengawasi perjalanan pemerintahan, kekuasaan eksekutif dan mengatur belanjawan negara.¹⁵

Kalau kita lihat definisi ini dengan teliti, kemudian kita bandingkan dengan legislatif Islam, tidak ada perbezaan yang begitu ketara. Faktor luaran dan asas perundangan adalah merupakan dua hal penting yang sangat memberi kesan kepada hakikat kedua badan ini.

¹⁵ cAbdul Qadir Djailani, *Negara berdaulat dalam perspektif Islam*, Pustaka Dini, Shah Alam, 2001 M, hlm. 189-191.

SYARAT-SYARAT KEAHLIAN

Setelah kita mengkaji makna badan legislatif menurut konsep Islam dan moden, maka pada tajuk kecil ini kajian akan diteruskan tentang syarat-syarat keahlian dalam badan legislatif. Kajian dimulakan mengenai syarat keahlian dari sudut pandangan Islam dan seterusnya dari sudut pandang moden.

Syarat Keahlian Badan Legislatif Islam

Badan legislatif (*al-sultah al-tashri'iyah*) merupakan sebuah institusi yang memiliki bidang kuasa untuk mengubal undang-undang. Maka, kewujudan dan peranannya dalam sebuah negara dirasakan sangat penting bahkan sesetengah penulis mengatakan bahawa badan ini merupakan struktur utama dalam sebuah negara. Berdasarkan kepada kenyataan ini, sesiapa sahaja yang akan dilantik untuk menjadi ahli badan ini mestilah memiliki syarat-syarat sebagaimana yang telah disebutkan oleh para ulama. Syarat-syarat ini juga didapati pada badan legislatif moden walaupun terdapat sedikit perbezaan mengikut kepada asas negara yang diamalkan.

Syarat keahlian badan legislatif menurut perspektif Islam juga telah banyak dibincangkan oleh para ulama, sama ada al-^c*ulama*' *al-mutaqaddimi* (ulama-ulama dahulu) seperti; Imam al-Ma^wwardiy dan Abu Ya^qal-Farra' ataupun ulama-ulama semasa seperti; al-

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Khayyat, Mahmud al-Khalidiy, Wahbah al-Zuhayliy dan masih banyak lagi yang lain.

Abd Aziz al-Khayyat mengatakan bahwa syarat ahli badan legislatif Islam adalah; Islam, adil, jujur, *ʿiffah* (menjaga marwah), baligh dan *rashid* (boleh membezakan yang baik) sedangkan syarat yang paling rendah adalah apabila kebaikan lebih banyak daripada keburukannya. Mengikut Mazhab Hanafiyah dan Hanbaliyah (puak syiah) dibenarkan bagi orang bukan Islam untuk menjadi ahli badan ini dengan syarat dia memahami ajaran Islam dan dapat berbuat adil.¹⁶

Mahmud al-Khalidiy berkata: "Setiap orang yang hidup di bawah naungan Negara Islam dan taat kepada hukum-hakamnya layak untuk menjadi ahli dalam *Majlis Shura* apabila dia sudah baligh, berakal, sama ada laki-laki atau perempuan, muslim atau bukan muslim".¹⁷ Sedangkan Imam Qalqashandiy memberikan tiga syarat bagi ahli badan legislatif Islam iaitu berilmu pengetahuan, adil dan berwawasan sepertimana yang dikatakan oleh Imam al-Mawardiyy.¹⁸

¹⁶ al-Khayyat, Abd al-Aziz, *al-Nizam al-siyasiyy fi al-Islam al-nazariyah al-siyasiyyah nizam al-hukm*, hlm. 235.

¹⁷ al-Khalidiy, Mahmud, *Nizam al-shura fi al-Islam*, Maktabah Risalah al-hadithah, Uman, 1986 M, hlm. 133.

¹⁸ al-Qalqashandiy, Ahmad ibn Abdullah, *Ma'athik al-inaqah fi ma'alim al-khilafah*, Matbu'at hukumah al-Kuwayt, t.tp, 1985 M, vol. 1, hlm. 45, al-Mawardiyy, *al-Ahkam al-sultaniyyah wa al-wilayah al-diniyyah*, hlm. 12.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Sementara Abu Fa>riz menyebutkan syarat-syarat dengan agak sedikit sempit sebagaimana yang dinyatakan di dalam kitabnya. Antara syarat-syarat yang disebutkannya iaitu *mukallaf*, sehingga tidak dibenarkan orang bukan Islam menjadi ahli badan ini kerana bukan termasuk orang yang terkena *taklif* (beban), merdeka, laki-laki, berwawasan, bermoral tinggi, menetap di ibu negara dan tidak mencalonkan diri.¹⁹

Setelah mengkaji dan menyemak apa yang dikatakan oleh para ulama mengenai syarat-syarat keahlian legislatif Islam dapat kita bahagikan kepada dua kategori. Yang pertama syarat yang disepakati dan yang kedua syarat yang masih lagi diperselisihkan. Adapun syarat-syarat yang disepakati terdiri dari *al-shuru>t al-dinniyyah* (syarat yang berkaitan dengan agama) dan *al-shuru>t al- 'ilmiyyah* (syarat keilmuan). Yang pertama, seperti: baligh, *rashi<d*, faqi<h, adil dan jujur. Sedangkan syarat yang kedua, seperti; berilmu pengetahuan, pakar siasatan, berwawasan dan bertempat tinggal di ibu negara.

Adapun dua syarat yang belum disepakati iaitu syarat keahlian seorang bukan Islam dan seorang wanita. Namun, Yu>suf al-Qarda>wiy dan Mahmu>d al-Kha>lidiy telah menjawab soalan ini dengan hujah yang nyata dan sukar untuk ditolak. Kedua-duanya menjelaskan bahawa Allah S.W.T memerintahkan kita untuk bertanya kepada *Ahl al-dhikr* (orang-orang yang berpengetahuan) sama ada bukan Islam atau orang Islam dalam perkara-perkara yang tidak diketahui, akan tetapi orang bukan Islam tidak mempunyai sebarang hak atau pendapat yang berkenaan dengan syariat Islam. Demikian

¹⁹ Abu Fa>riz, Muhammad 'Abd al-Qa>dir, *al-Nizam al-siyasiy fi al-Islam*, Terj, Robbani Press, Jakarta, 2000 M, hlm.78-82.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

juga dengan masalah wanita dalam parlimen, tidak ada nas *s{ari}<h* (jelas) yang melarang hal ini. Adapun hadith yang menerangkan bahawa: "Tidak akan berjaya suatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita" adalah kepemimpinan dalam *skop* negara (khilafah), sedangkan ahli *Majlis Shu>ra* bukan termasuk bahagian daripada *al-ima>mah al-^cuz{ma}* (kepimpinan tertinggi).²⁰

Syarat Keahlian Badan Legislatif Moden

Badan legislatif moden sebagai sebuah institusi yang memiliki bidang kuasa mentadbir negara di sisi undang-undang bukan sebuah jawatan yang dapat dimasuki oleh sesiapa sahaja yang ingin menjadi ahli di dalamnya kerana hal ini akan mengganggu kelancaran kerja dan kualiti sebuah jawatan. Maka, dalam perlembagaan negara-negara moden terdapat beberapa peruntukan yang membahas masalah ini.

^cAbd al-^cAzi<z al-Khayya>t menyebutkan beberapa syarat yang biasanya diamalkan dalam sistem legislatif moden. Antara lain; bumiputera, bukan seorang yang muflis, tidak dalam tempoh hukuman penjara jenayah selain jenayah politik, para bekas menteri, ketua-ketua tentera, para hakim dan sesiapa sahaja yang berjasa terhadap negara serta mendapat kepercayaan dari masyarakat. Kadang-kadang ada penentuan batasan umur 40 tahun untuk ahli Dewan Negara dan 30

²⁰ al-Khalidiy, Mahmud, *Nizam al-shura fi al-Islam*, hlm.133, al-Qardawiy, Yusuf, *Fiqh dawlah dalam perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah*, Terj, Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 1997 M, hlm. 227-248.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

tahun untuk ahli Dewan Rakyat, sepertimana yang diamalkan di negara Jordan.²¹

Indonesia, salah satu daripada negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi telah menetapkan beberapa syarat yang mesti dimiliki bagi sesiapa sahaja yang akan menjadi anggota parlimen, sama ada wakil dari parti-parti peserta pilihan raya atau wakil tentera dan wakil utusan daerah. Mengikut ketetapan Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia (MPR-RI) Undang-undang Republik Indonesia nombor 4 tahun 1999 M tentang susunan Majlis Permusyawaratan Rakyat, Dewan Perwakilan Rakyat dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah disebutkan: “Untuk dapat menjadi anggota MPR, seseorang mesti memenuhi syarat sebagai berikut:

- 1) Warga negara Republik Indonesia yang telah berusia 21 tahun serta bertaqwa kepada Tuhan Yang Maha Esa.
- 2) Dapat berbahasa Indonesia dan cakap menulis serta membaca dan berpendidikan serendah-rendahnya sekolah lanjutan tingkat pertama atau yang berpengetahuan sederajat dan berpengalaman di bidang kemasyarakatan dan/atau kenegaraan.
- 3) Setia kepada cita-cita Proklamasi 17 Agustus 1945, Pancasila sebagai dasar negara dan Undang- Undang Dasar 1945.
- 4) Bukan bekas anggota organisasi terlarang Partai Komunis Indonesia, termasuk organisasi massanya, atau bukan seseorang yang terlibat langsung atau tak langsung dalam

²¹ al-Khayyat, Abd al-^cAziz, *Nizam al-siyasi fi al-Islam al-nazariyah al-siyasiyyah, nizam al-hukm*, hlm. 239-240.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

G-30-S/PKI (Gerakan 30 September Partai Komunis Indonesia) atau organisasi terlarang lainnya.

- 5) Tidak sedang dicabut hak pilihnya berdasarkan putusan pengadilan yang telah memperoleh kekuatan hukum tetap.
- 6) Tidak sedang menjalani pidana penjara berdasarkan putusan pengadilan yang telah memperoleh kekuatan hukum tetap kerana melakukan tindak pidana yang diancam dengan pidana penjara 5 (lima) tahun atau lebih.
- 7) Nyata-nyata tidak sedang terganggu jiwa/ingatannya.
- 8) Anggota MPR harus bertempat tinggal di wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia.²²

Setelah meneliti dengan membuat satu perbandingan antara syarat-syarat legislatif menurut perspektif Islam dan moden kelihatan bahawa kedua-duanya memiliki persamaan yang sangat hampir dari berbagai sudut, sama ada dari sudut keilmuan atau akhlak. Perbezaan yang wujud hanya berpunca dari perbezaan keadaan negara masing-masing yang mengamalkan konsep ini. Sebagai contohnya adalah Indonesia, kes pembangkangan dan penentangan Parti Komunis pada tarikh 30 September 1965 yang mengakibatkan mautnya beberapa ketua tentera, meninggalkan kesan yang sangat mendalam di hati bangsa ini sehingga sesiapa sahaja yang terbabit dengan masalah ini tidak boleh menjadi ahli parlimen Indonesia dan perkara ini telah digubal dalam undang-undang perlembagaan negara.

SUMBER-SUMBER HUKUM BADAN LEGISLATIF

Kajian akan ditumpukan pada dua perbahasan utama, iaitu kajian tentang sumber-sumber hukum legislatif menurut perspektif Islam dan sumber-sumber hukum legislatif menurut konsep semasa.

²² Majlis Permusyawaratan Rakyat, *Tentang kami*, t,th, (atas talian) <http://www.mpr.go.id/h/tentang/indek.html> (30 Jun 2003).

Sumber Hukum Badan Legislatif Islam

Pada perbahasan mengenai definisi badan legislatif dinyatakan bahawa bahawa tugas yang paling utama dari badan legislatif adalah menggubal undang-undang untuk dijadikan asas sebuah negara dalam melaksanakan tugasnya. Oleh sebab itu, sudah menjadi satu kemestian jika badan ini memiliki rujukan-rujukan tertentu dalam membuat apa sahaja ketetapan atau undang-undang yang lebih biasa dikenali sebagai sumber undang-undang (*law resources*).

Badan legislatif (*al-sulta{h al-tashri'iyah*) menurut perspektif Islam bukanlah suatu badan yang dapat menggubal undang-undang secara langsung, kerana pada hakikatnya hanya Allah S.W.T sahajalah yang memiliki hak membuat atau membatalkan undang-undang. Allah S.W.T berfirman dalam al-Qur'an:

لا إله إلا الله أمر ألا تعبدوا إلا إياه.

Yang bermaksud:

Keputusan itu hanyalah kepunyaan Allah. Dia telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia.²⁴

²³ al-Qur'an al-Karim, Yusuf 12:40.

²⁴ Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *al-Qur'an dan terjemahannya* (al-Madinah al-Munawwarah: Muja'mma' Malik al-Fahd li tiba'at al-Mushaf al-Sharif, 1418 H).

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Badan legislatif merupakan wakil secara tidak langsung dari Allah S.W.T untuk mengkaji dan menggali (*istinbat*) hukum-hukum yang selari dengan apa yang ada dalam al-Qur'an dan sunnah Rasul-Nya.²⁵

Mahmud Hilmiy membahagikan sumber ini kepada dua kategori iaitu sumber asas, yang meliputi al-Qur'an dan al-Hadith dan yang kedua adalah hasil daripada ijtihad.²⁶ Sementara Wahbah al-Zuhayliy menyebutkan tiga sumber hukum dalam legislatif Islam: al-Qur'an, al-Sunnah, *al-Ijtihad al-Jama'iy* (kumpulan) dan *al-Ijtihad al-Fardiy* (perseorangan).

Satu kesimpulan dapat dibuat dari dua pendapat ini bahawa sumber-sumber hukum untuk menggubal undang-undang dalam legislatif Islam adalah sebagai berikut:

A. Al-Qur'an

al-Qur'an adalah wahyu Allah S.W.T yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w sebagai panduan hidup umat manusia. Kitab ini bukan hanya setakat rangkaian firman Allah yang dijadikan wirid (bacaan) dalam solat harian atau mahar dalam akad perkahwinan, akan tetapi Kitab ini adalah wahyu Allah, Zat Yang Maha tahu tentang apa

²⁵ al-Zuhayliy, Wahbah, *al-Fiqh al-Islamiy, wa adillatuh*, Dar al-Fikr, Damshiq, vol. 8, hlm. 6134.

²⁶ Mahmud Hilmi, Nizam *al-hukm al-Islamiy muqarinan bi al-nuzum al-mu'asirah*, hlm. 203-220.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

yang boleh mendatangkan maslahat atau mudarat untuk manusia. Oleh sebab itu, sejak pertama kali wahyu ini diturunkan semua persoalan dan masalah yang dihadapi umat manusia sentiasa ada jawabannya dalam al-Qur'an hingga ke hari ini.

Kelemahan akal fikiran dan terhadnya daya ingatan manusia menjadikan hasil ciptaan mereka tidak selamanya selari dan sesuai dengan perubahan masa dan tempat. Produk hukum yang dibuat hanya bersandar kepada hasil fikiran dan hawa nafsu manusia tidak akan pernah menyelesaikan pelbagai bentuk krisis yang dihadapi manusia. Oleh sebab itu, Allah S.W.T sangat murka jika ada hambanya yang tidak berhukum dengan hukum-Nya. Firman Allah S.W.T:

ومن لم يحكم بما أنزل الله فأولئك هم الكافرون.

Yang bermaksud:

Dan barang siapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir.

²⁷ al-Qur'an al-Karim, al-Ma'idah 5: 44.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Semua perselisihan yang berpunca dari kelemahan dan kesilapan manusia hendaknya dikembalikan kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya s.a.w. Firman Allah S.W.T:

يا أيها الذين آمنوا أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم فإن تنازعتم في شئ
الله اليوم الآخر ذلك خير وأحسن تأويلا.

Yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul-Nya (sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

Kita boleh simpulkan di sini bahawa yang berhak dan boleh membuat hukum dan pemindaan hanyalah Allah S.W.T dan Dia memerintahkan kita supaya mengembalikan semua permasalahan yang kita hadapi kepada *manhaj* (aturan) Allah S.W.T dan Rasul-Nya, sebagaimana juga Dia memerintahkan agar kita sentiasa taat kepada

²⁸ al-Qur'an al-Karim, al-Nisa' 4:59.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Allah dan Rasul-Nya serta para pemimpin yang selalu mengamalkan ajaran Islam. Menjadikan Rasulullah sebagai hakim atau rujukan dalam menyelesaikan setiap masalah adalah ciri sebuah iman. Firman Allah S.W.T:

فلا وربك لا يؤمنون حتى يحكموك فيما شجر بينهم ثم لا يجدوا في أنفسهم حرجا مما قضيت
ويسلموا تسليما.

Yang bermaksud:

Maka demi tuhanmu, mereka (pada hakekatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu sebagai hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.

Hadith Nabi s.a.w

Para sahabat adalah generasi terbaik. Kerana mereka telah berinteraksi secara langsung dengan baginda Nabi s.a.w, belajar dan mengamalkan semua yang mereka pelajari dari baginda. Banyak ayat dan hadith yang menerangkan tentang kelebihan mereka dalam berbagai segi, termasuk dari segi ilmu yang tidak dimiliki oleh orang lain selain

²⁹ al-Qur'an al-Karim, al-Nisa' 4:65.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

mereka. Sebahagian dari mereka ada yang diisytiharkan sebagai pakar ilmu seperti; Ibn ʿAbba<s, ʿAli ibn Abi Ta>lib, Abu Hurayrah, Ibn Masʿu>d, Muʿa<dh ibn Jabal dan yang lainnya. Namun demikian, ketika mereka menghadapi satu permasalahan, mereka bertanya kepada Rasulullah s.a.w dan kalau Rasul s.a.w tidak ada, mereka berusaha merujuk kepada al-Qurʿan dan Hadith dan kalau mereka tidak menjumpai sebarang dalil atau sandar an hukum secara pasti mereka akan menggunakan *qiya>s*³⁰ sebagai pilihan. Muʿadh ibn Jabal sebagai contohnya, ketika beliau diutus oleh baginda Nabi s.a.w ke Yaman, Nabi s.a.w bersabda:

أ ن رسول الله لما بعث معاذًا إلى اليمن قال : إنك تقدم على قوم أهل الكتاب فليكن أول ما تدعوهم إليه عبادة الله عز وجل فإذا هم عوفوا ذلك فأخبرهم أن الله فرض عليهم خمس صلوات في يومهم وليلتهم فإذا فعلوا فأخبرهم أن الله قد فرض عليهم زكاة تؤخذ من أغنيائهم فترد إلى فقرائهم فإذا أطاعوا بها فخذ منهم وتوق كرائم أموالهم.

Yang bermaksud:

³⁰ Qiyas secara bahasa bermakna ukuran. Sedangkan secara istilah bermaksud menyamakan hukum satu permasalahan yang belum ada dalilnya dengan satu masalah yang sudah ada dalilnya disebabkan adanya satu kemiripan antara keduanya. (ʿAbdullah, al-Maqdisiy, *Rawdah al-nazir*, Maktabah al-kulliyah al-azhariyah, Qaḥerah, t.th, vol. 2, hlm.385, al-Juwayniy, Abu al-Maʿaḥiy, *al-Burhaḥ fi usuḥ-al-fiqh*, Daḥ-al-Kutub al-ʿilmiyyah, Beirut, 1997, vol.2, hlm. 3).

³¹ al-ʿAsqalaḥiy, Ali ibn ʿAhmad, *Fath al-Baḥiy sharh Sahih al-Bukhaḥiy*, kitab al-zakat bab wujub al-zakat, Dar al-Kutub al-ʿilmiyah, Beirut, 1421 H, vol. 3, hlm. 333, Abu al-Fadl ʿIyad ibn Musa, *Ikmaḥ al-muʿlim bi fawaḥid Muslim*, kitab al-zakat bab al-duʿa ila al-shahaḥatayn wa sharaḥi al-Islam, Daḥ-al-Wafa', Beirut, 1998 M, vol. 1, hlm. 239.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Adalah Rasulullah s.a.w ketika beliau mengutus Mu^caz bin Jabal pergi ke Yaman berkata: "Sesungguhnya kamu akan mendatangi suatu kaum dari *ahl al-kitab* (Yahudi dan Nasrani), maka hendaklah yang pertama kali kamu seru adalah supaya mereka beribadah kepada Allah Azza wa Jalla. Dan jika mereka sudah mengetahuinya maka beritahukan bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka solat lima waktu satu hari satu malam. Dan jika mereka sudah mengerjakannya maka beritahukan bahawa Allah telah mewajibkan zakat ke atas harta mereka yang dikutip dari orang kaya lalu diagihkan kepada kaum fakir miskin di antara mereka. Dan jika mereka sudah mentaatinya maka ambillah dan janganlah kamu mengambil harta mereka yang paling baik.

Hasil Ijtihad Para Ulama

Wilayah kekuasaan Islam terus bertambah selari dengan perkembangan dakwah dan *futuha<t* (penaklukan) yang dilakukan oleh para sahabat. Satu demi satu negeri yang dahulunya memusuhi Islam masuk ke dalam Negara Islam. Secara tidak langsung ia juga memberi kesan terhadap situasi sosial masyarakat muslim pada masa itu, terutama semakin banyak permasalahan yang perlu diberikan hukum pada setiap aspek kehidupan. Fenomena ini tidak terlalu berat dirasakan oleh para sahabat ketika Rasul s.a.w masih hidup bersama mereka, akan tetapi ketika baginda sudah wafat keadaan pun berubah.

Mencari sebuah hukum yang tidak ada dalil secara langsung bukan satu perkara yang mudah, seperti kes kaum *riddah* (kaum yang

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

murtad). Menghadapi realiti ini, para sahabat mulai mencari jalan alternatif untuk menyelesaikan masalah ini selari dengan perkembangan dan keperluan hidup pada masa itu. Mereka menggali hukum-hakam dari permasalahan itu dengan merujuk kepada nas-nas umum al-Qur'an dan Hadith. Cara inilah yang dinamakan dalam ilmu *Usful al-fiqh* sebagai ijtihad.

Ijtihad secara terminologi bermakna mengeluarkan segala kemampuan untuk mencari hukum dari dalil-dalil nas yang masih bersifat umum. Maka, badan legislatif, sebagai badan pembuat undang-undang akan mengkaji permasalahan yang belum ada nasnya secara jelas kemudian digubal dalam bentuk undang-undang negara. Amalan ijtihad yang dilakukan oleh para ahli legislatif Islam boleh kita kategorikan ke dalam dua bahagian:

- i. Mengeluarkan makna dan hukum nas kemudian menetapkannya sebagai undang-undang.
- ii. Membandingkan masalah yang ada nas dengan masalah yang tidak ada nasnya (*qiya>s*).

Seorang mujtahid boleh menggunakan beberapa cara (*wasa<'il*), antara lain dengan *qiya>s* (membandingkan masalah yang tidak ada nas dengan masalah yang ada nas kerana ada kemiripan), *istihsa>n* (menganggap yang tidak ada dalil menjadi baik), *al-maslahah al-mursalah* (kemaslahatan mutlak), *istisha>b* (bersandar pada hukum asal), syariat sebelum Islam, mazhab sahabat (fatwa sahabat).³²

³² Mahmud Hilmiy, Nizam *al-hukm al-Islamiy muqarinan bi al-nuzum al-mu'asirah*, hlm. 217-220.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Jadi, dari penjelasan di atas dapat dibuat satu kesimpulan bahawa sumber-sumber dalam legislatif Islam terdiri dari dua sumber utama, iaitu yang pertama sumber yang bersifat baku dan tidak menerima sebarang perubahan pada isi, seperti al-Qur'an dan Hadith, sedangkan yang kedua iaitu sumber yang dapat berubah mengikut keadaan tempatan dan tuntutan masa terutamanya dalam perkara-perkara yang bersifat teknikal, seperti ijtihad.

Sumber Hukum Badan Legislatif Moden

Sumber penetapan hukum dalam badan legislatif terdiri dari dua sumber. Yang pertama sumber bertulis dan yang kedua sumber tidak bertulis. Undang-undang yang bertulis, seperti undang-undang perlembagaan, sedangkan undang-undang yang tidak bertulis pula seperti undang-undang adat. Undang-undang adat merupakan sumber perundangan pertama sebelum diperkenalkan undang-undang yang bertulis dalam dunia perlembagaan. Sumber ini terus digunapakai oleh kebanyakan negara hingga akhir abad 17 Masehi. Pada zaman Rasulullah s.a.w, baginda juga telah mengguna undang-undang adat ketika membuat Undang-Undang Perlembagaan Madinah (*S}ahi<fah al-Madi<nah*) sebagaimana yang tertulis pada pasal 3-11. *S}ahi<fah* ini digubal oleh Rasulullah s.a.w di Madinah pada masa awal-awal kedatangan baginda ke negeri ini.³³ Dan jika kita bandingkan dengan perlembagaan moden ternyata Amerika Syarikat sebagai contohnya baru mengistiharkan adanya undang-undang secara bertulis pada tahun 1771 M yang kemudian disusul oleh undang-undang Perancis

³³ al-Qasimiy, Zafir, Nizam *al-hukm fi al-syarifah wa al-tarikh al-Islamiy*, hlm. 32-36.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

pada tahun 1791 M. Setelah munculnya dua undang-undang bertulis ini, dunia mulai mengenal dan memakai undang-undang secara bertulis, apatah lagi dalam undang-undang tidak bertulis terdapat hal-hal yang kurang jelas dan sukar untuk dikenal pasti.³⁴

Mengikut pasal 2 Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia (Dewan Negara) nombor 3 tahun 2000 M tentang urutan peraturan perundangan dinyatakan: "Tata urutan peraturan perundangan merupakan pedoman dalam pembuatan aturan hukum di bawahnya. Tata urutan peraturan perundang-undangan Republik Indonesia adalah:³⁵

- a. Undang-Undang Dasar 1945.
- b. Ketetapan Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia.
- c. Undang-Undang.
- d. Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-undang.
- e. Peraturan Pemerintah
- f. Keputusan Presiden
- g. Peraturan Daerah

Adapun perincian dan penjelasan pasal 2 diatur dan diterangkan oleh pasal 3 yang berbunyi:"

- a. Undang-Undang Dasar 1945 merupakan hukum dasar tertulis Negara Republik Indonesia, memuat dasar dan garis besar hukum dalam penyelenggaraan negara.

³⁴ Mahmud Hilmiy, Nizam *al-hukm al-Islamiy muqasinan bi al-nuzum al-mu'asirah*, hlm. 100-103.

³⁵ Majlis Permusyawaratan Rakyat, *Tentang kami*, t,th, (atas talian) <http://www.mpr.go.id/h/tentang/indek.html>. (30 Jun 2003).

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

- b. Ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia merupakan putusan Majelis Permusyawaratan Rakyat sebagai pengemban kedaulatan rakyat yang ditetapkan dalam sidang-sidang Majelis Permusyawaratan Rakyat.
- c. Undang-undang dibuat oleh Dewan Perwakilan Rakyat bersama presiden untuk melaksanakan Undang-Undang Dasar 1945 serta Ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia.
- d. Peraturan pemerintah pengganti undang-undang dibuat oleh Presiden dalam hal ihwal kegentingan yang memaksa.
- e. Peraturan pemerintah dibuat oleh pemerintah untuk melaksanakan perintah undang-undang.
- f. Keputusan presiden yang bersifat mengatur dibuat oleh presiden untuk menjalankan fungsi dan tugasnya berupa pengaturan pelaksanaan administrasi negara dan administrasi pemerintahan.
- g. Peraturan daerah merupakan peraturan untuk melaksanakan aturan hukum di atasnya dan menampung kondisi khusus dari daerah yang bersangkutan".³⁶

Satu kesimpulan dapat dibuat setelah diperhati keterangan di atas, bahawa sumber-sumber hukum dalam legislatif moden pada hakikatnya terdiri dari sumber-sumber bertulis yang bersifat kekal, seperti Undang-Undang Perlembagaan dan sumber-sumber bertulis yang tidak kekal, seperti undang-undang adat, peraturan-peraturan atau keputusan yang ditetapkan sebagai tafsiran dari Undang-Undang Perlembagaan yang diubahsuai mengikut keadaan yang berlaku.

KESIMPULAN

³⁶ *Kitab Undang-Undang Dasar 1945 hasil amandemen dan proses amandemen*, Penerbit M25, Bandung, 2002, hlm.109.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

Setelah kita mengkaji tentang makna *Da>r al-Isla>m* (Negara Islam) dan *Da>r al-Kufr* (Negara Kafir), makna legislatif Islam dan legislatif moden, lalu dilanjutkan dengan perbincangan masalah syarat keahlian dan sumber hukum legislatif dengan menganalisa pelbagai macam ragam pendapat para ulama, akhirnya beberapa kesimpulan dapat dibuat:

- a. Nabi Muhammad s.a.w adalah nabi akhir zaman. Ajaran yang dibawanya diperuntukkan kepada seluruh manusia. Walaupun baginda dilahirkan di negeri Makkah kemudian baginda berhijrah ke Madinah, dikawal oleh para sahabat yang kebanyakannya berasal dari keturunan yang sama, namun pada hakikatnya mutiara yang indah itu adalah milik manusia sejagat kalau mereka mahu memilikinya.
- b. Islam sebagai agama yang universal telah mengatur seluruh perilaku kehidupan manusia. Islam bukan hanya mengatur masalah hubungan vertikal dengan Allah S.W.T akan tetapi Islam juga telah mengatur hubungan sesama manusia atas landasan iman atau kemanusiaan.
- c. Negara Islam (*Da>r al-Isla>m*) adalah nama suatu negara yang berada di bawah kekuasaan kaum muslimin dengan menjadikan Islam sebagai asas perlembagaan negara, mengamalkan nilai-nilai Islam dalam seluruh aspek kehidupan bangsa, kerana negara adalah sebahagian dari Islam.
- d. Negara Kafir (*Da>r al-Kufr*) adalah setiap negara yang tidak menjadikan Islam sebagai asas perlembagaan dan tidak nampak padanya nilai-nilai keIslaman dalam aspek kehidupan bernegara.
- e. Badan legislatif menurut konsep Islam adalah suatu badan yang berkuatkuasa dalam bidang perundangan Islam yang terdiri dari para pakar berbagai sains dengan bercirikan sifat adil dan amanah.

Nadirsah Hawari: As-Sultah Tasyriyyah.....

- f. Badan legislatif menurut konsep moden (semasa) adalah sebuah institusi perwakilan rakyat yang berkuatkuasa di bidang perundangan dan pengawasan terhadap perjalanan pemerintahan.
- g. Tidak ada perbezaan yang jauh antara legislatif Islam dan legislatif moden dalam hal penetapan syarat-syarat keahlian, kecuali dalam legislatif Islam, aspek *spiritual* agama lebih diambil kira.
- h. Hak penetapan hukum mutlak hanya milik Allah S.W.T
Adapun badan legislatif hanya bersifat perwakilan, apa yang mereka tetapkan mesti selari dengan nilai-nilai Islam yang *kaffah* (menyeluruh). Oleh sebab itu, ijtihad dalam masalah ini mempunyai peranan yang sangat penting.